



Oleh ; Mohd Hafeez Nordin

PROGRAM JELAJAH ILMU IV MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI 2007/2008 (MPP) KE HONG KONG, SHENZHEN DAN GUANGZHOU CHINA 2008

Tanggal 16 November 2008, Delegasi MPP Sesi 2007/2008 dan juga para pegawai UniMAP telah menyertai satu rombongan sempena program Jelajah Ilmu IV ke Negara China dan Hong Kong yang mana seramai 26 orang pelajar yang terdiri dari Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2007/2008 dan juga 10 orang pegawai pengiring yang diketuai oleh Dekan jabatan Hal Ehwah Pelajar iaitu En Razli Bin Ahmad selaku "Chief De Mission" selain dibantu oleh Dr. Kahirul Nizal Bin Mohamed dan Dr Hazri Bin Desa serta beberapa pegawai yang lain.

Delegasi telah memulakan perjalanan di KLIA international Airport dengan menaiki pesawat Shenzhen Airlines ZH796 untuk berlepas ke China pada pukul 7.15 pagi. Pemergian delegasi ini turut diserikan dengan kehadiran Y.Bhg. Brig. Jen. Prof. Dato' Dr. Kamaruddin Bin Hussin, Naib Canselor untuk bertemu dan menyampaikan sedikit amanat kepada delegasi yang akan berangkat. Dengan iringan doa dan sedikit amanat maka delegasi jelajah ilmu IV UniMAP telah berangkat ke tanah besar China.

Delegasi telah selamat tiba di Shenzhen International Airport pada pukul 11.20 pagi. Keadaan cuaca di Bandar Shenzhen ini agak sejuk dengan 18 darjah celsius. Keadaan faktor muka bumi di Bandar Shenzhen ini agak baik dan rata dimana ketinggian permukaan tanahnya adalah melebihi 2,050 (790 sq miles) dari paras laut. Jumlah kepadatan penduduk adalah berjumlah 8,615,500 bilion yang mana faktor ekonominya adalah lebih tertumpu kepada perusahaan dan perniagaan serta pembinaan. Keadaan persekitaran Bandar Shenzhen telah dipenuhi dengan bangunan dan juga kediaman apartment yang tinggi mencakar langit. Pemandangan ini telah membuatkan ahli delegasi teruja dengan kepadatan penduduk, sektor ekonominya serta keadaan bangunannya yang unik dan berteknologi.

Kehadiran delegasi telah diambut oleh kakitangan Shenzhen Universiti dan juga pemandu pelancong iaitu Miss Amy. Seterusnya delegasi telah dibawa untuk menikmati makan tengahari di restoran Muslim di tengah-tengah Bandar Shenzhen. Tepat jam 1.30 ptg para peserta delegasi telah dibawa ke masjid di sekitar Bandar Shenzhen yang mana masjid ini adalah satu-satunya masjid yang berada di bandar ini. Walaupun masih didalam pengubahsuaian dan pembinaan kami sempat menunaikan kewajipan untuk bersolat jamak di sini. Seterusnya delegasi Jelajah Ilmu UniMAP telah dibawa ke taman tema atau dikenali sebagai "Splendid China Miniature Scenic Spot Forbidden Theme" dimana kami akan turut menyaksikan sejarah dan juga kebudayaan Negara China yang mana keadaan taman temanya yang bercirikan kebudayaan dan juga sejarah kerajaan China. Keindahan tempat ini amatlah menarik dan mengujakan dengan hiasan landskapnya yang cantik dan menarik. Para peserta turut dibawa untuk menyaksikan persembahan kebudayaan iaitu "Forbidden themes" dimana persembahan ini akan di buat selama 2 jam yang berkisarkan sejarah, tarian dan juga keunikan suasana lampu dan persembahan pentas yang menarik. Semasa didalam auditorium ini para peserta

dilarang untuk mengambil gambar. Seterusnya para peserta di bawa menginap ke "Ambassador Hotel" di Bandar Shenzhen. Sebelum mengakhiri malam pertama tiba di Bandar Shenzhen, para delegasi telah diberikan sedikit taklimat ringkas Oleh Dekan HEPA iaitu En Razli Ahmad dan juga En Edzral tentang perjalanan untuk keesokkan harinya.

Pada hari kedua para delegasi telah berkumpul di kawasan lobi hotel seawal jam 8.00 pagi, dimana para delegasi akan bertolak ke Hong Kong dengan menaiki Train pada jam 9.30 pagi. Keadaan cuaca yang agak sejuk dan cerah awal maka kami terpaksa bertolak awal. Sesudahnya bersarapan pagi di hotel, para peserta delegasi telah dibawa ke Hung Hom terminal untuk menaiki train pada pukul 9.30 pagi. Setiba di Hong Kong kami dibawa ke beberapa tempat menarik seperti Disneyland Hong Kong, Repulse Bay Beach, Masjid Ammar and Osman Ramju Islamic Centre, Arena Of Star dan membeli-belah di Hong Kong iaitu Lady Street.

Pada hari ke 3 kami dibawa ke Shenzhen Universiti dimana ini ada matlamat utama delegasi untuk menjejakkan kaki ke universiti ini. Kehadiran delegasi telah disambut baik oleh pengarah universiti iaitu Prof Tang. Sesi persidangan dan menebual antara UniMAP dan Shenzhen Universiti telah berlangsung selama 1 jam 30 minit dimana pelbagai isu dan juga persefahaman telah dibuat oleh kedua-dua pihak. Seterusnya pihak delegasi telah dibawa mengelilingi kawasan universiti dan pada sebelah petangnya pelajar lelaki UniMAP telah mengadakan perlawanan persahabatan bola sepak dengan pasukan pelajar Shenzhen Universiti. Walaupun pasukan pelajar UniMAP tewas 4-2 dalam perlawanan ini tetapi semangat kesukanan yang baik telah ditunjukkan oleh mereka. Seterusnya para peserta di beri peluang untuk membeli belah di pasar Dong Men pada sebelah malam pula.

Pada hari yang keempat delegasi telah dibawa melawat ke Bandar Guangzho dimana Bandar ini adalah jarak perjalanannya yang mengambil masa selama 2 jam. Kami bertolak pada jam 8 pagi dan seterusnya di bawa melawat kilang herba dan ubatan di Guang Ta, melawat masjid tertua di guangzhoa dan juga memorial Dr Sun Yat-Sen Memorial Hall dan akhirnya menginap di Furama Hotel di Bandar Guang Zhao.

Pada hari yang kelima pula delegasi turut dibawa ke Ecological Park yang keluasanya adalah 860,000 squares meters (212.5 acres), seterusnya ke kilang membuat batu jed dan kilang membuat kain sutera. Disini para peserta boleh membeli barangan jed dan juga sutera dengan harga yang murah dan terus dari kilang.

Seterusnya pada hari yang keenam pula para delegasi juga turut dibawa ke China Garden Park, Abu Waggas Cemety (Islamic Wage), dan membeli belah di Dong Guan market. Seterusnya pada sebelah malam para delegasi dibawa menaiki feri untuk menyusuri sungai Dong Guan sambil menikmati keindahan lampu bangunan dan juga suasana malam.

Pada hari yang ketujuh kami diberi peluang untuk membeli belah di sekitar Bandar Guang Zhao buat kali terakhir pada sesi sebelah pagi dan petang sebelum bertolak pulang pada sebelah malamnya.

Pada 24 November 2008 para delegasi telah bertolak pulang dari lapangan terbang Shenzhen International Airport Louhu pada jam 11.15 mlm dan kami telah selamat sampai pada pukul 2.30 pagi dan seterusnya bertolak pulang ke UniMAP dengan menaiki bas.

" Huan Ying Hui Lai UniMAP"